



TEKS UCAPAN

**YB DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD SALLEH
TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM GO GREEN PERINGKAT
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

8 FEBRUARI 2020 (SABTU)

**DEWAN SMK RANCHA-RANCH
WP LABUAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

**Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh**

**Salam Sejahtera, Salam “Sayangi
Wilayahku”**

Terima kasih pengacara majlis.

Salutasi (akan diselaraskan kemudian)

Alhamdulillah, pertama sekali, saya ingin merafakkan rasa syukur yang tidak terhingga kehadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya maka kita dapat berkumpul pada pagi yang ceria ini di *Majlis Perasmian Program Go Green Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.*

Seperti yang kita semua sedia maklum, program pada petang ini merupakan kali yang pertama diadakan dalam tahun ini di Labuan. Saya yakin dan percaya penyertaan dan komitmen daripada tuan-tuan dan puan-puan serta para pelajar yang hadir pada petang ini telah menunjukkan kesediaan, iltizam dan keprihatinan anda semua terhadap usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta isu pemanasan global.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Sebagai tanda sokongan dan usaha yang dilakukan bagi meneruskan dan melebarkan lagi pelaksanaan Program Go Green ini, maka Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rancha-Rancha

telah dipilih untuk meneruskan usaha ini.

Pada hemat saya, pelaksanaan program seumpama ini, sudah tentu dapat mendatangkan faedah dan kesan jangka masa panjang yang terbaik untuk generasi kita pada masa akan datang.

Saya berasa amat gembira dan teruja kerana pada masa ini terdapat ramai warga Labuan yang telah menunjukkan rasa prihatin dan komitmen mereka ke arah perlindungan alam sekitar melalui aktiviti penanaman pokok serta Program Kitar Semula.

Masyarakat disaran supaya tidak hanya tertumpu kepada minat yang mendalam dalam memelihara dan memulihiara alam

sekitar sahaja, tetapi yang penting adalah tindakan kita untuk membuat sesuatu yang terbaik dengan cara melakukan usaha menanam pokok yang baharu disamping sentiasa peka terhadap pengurusan sisa pepejal.

Dengan kaedah dan pendekatan ini, kita dapat merasakan bahawa usaha yang dilakukan ini dapat membantu kerajaan memelihara alam sekitar dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kesan negatif terhadap kualiti kehidupan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Saya difahamkan bahawa program kita pada petang ini juga tertumpu kepada usaha-usaha untuk mendidik dan

menerapkan pengetahuan serta amalan pengasingan sisa dan kitar semula dalam kalangan pelajar sekolah, bermula dari titik penjanaan di dalam bilik darjah.

Selaras dengan suasana pembelajaran harian di dalam kelas, program ini merupakan kerjasama strategik di antara pihak sekolah SMK Rancha-Rancha dengan Perbadanan Labuan.

Kolaborasi seumpama ini amat dialukan kerana ia berupaya menjana perkongsian idea, kepakaran dan guna tenaga kepada kedua-dua pihak termasuk para pelajar.

Jika sebelum ini, kebanyakan daripada masyarakat cenderung berfikiran ‘pakai-

buang, namun kini persepsi sedemikian telah berubah kerana masyarakat kian sedar bahawa tidak semua sisa itu perlu dibazir atau dibuang, tetapi ia masih boleh digunakan semula dengan pendekatan kitar semula.

Begitu juga dengan kebersihan diri dan tempat tinggal. Kita perlu sentiasa menjaga dan mengawal diri dari dijangkiti penyakit berjangkit.

Negara dan dunia kini diancam dengan wabak *Novel Coronavirus* yang perlu kita awasi dari terus merebak.

Pun begitu masyarakat juga kian peka bahawa sumber-sumber alam kita, mesti dijaga, dipelihara dan diuruskan dengan bijak dan berkesan supaya

kewujudannya akan berterusan sepanjang zaman dan dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Menurut statistik, 70 peratus daripada sisa yang dibuang masih boleh digunakan. Kadar kitar semula di negara kita masih di tahap yang rendah iaitu 5 peratus setahun jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Kerajaan telah mensasarkan untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 22 peratus menjelang tahun 2020. Dengan meningkatnya jumlah penduduk, beserta dengan aktiviti-aktiviti pembangunan ekonomi,

teknologi dan kepenggunaan, jumlah sisa juga kian meningkat.

Untuk menangani perkembangan ini, pihak kerajaan telah mewujudkan rangkaian sistem dan infrastruktur pengurusan sisa pepejal yang moden, teratur, bersih dan menekankan kesejahteraan masyarakat setempat serta memelihara kelestarian alam sekitar

Walau bagaimanapun, masih banyak yang perlu kita lakukan sebagai warga Labuan untuk mencapai tahap kebersihan yang memuaskan termasuk mencapai kadar kitar semula yang lebih tinggi daripada apa yang kita sudah kita lakukan pada hari ini.

Saya berpendapat, untuk sampai ke tahap itu, kita harus merubah minda dan tabiat harian kita dengan membudayakan amalan mengitar semula sebagai usaha menjaga kebersihan kawasan kediaman.

Bermula dari dalam diri kita sendiri sebagai orang dewasa, maka kita perlu mendidik dan memupuk amalan kitar semula ini ke dalam diri anak-anak kita untuk melakukan perkara yang sama di rumah dan juga sekolah, seperti pepatah Melayu ada mengatakan “Melentur buluh biarlah dari rebungnya”

Justeru, melalui pendidikan seperti program pengasingan sisa yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan ini amatlah digalakkan kerana ia

dapat memperlengkapkan generasi muda dengan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran mengurus sisa dan memelihara sumber alam secara lestari dan berkesan.

Secara tidak langsung, pihak sekolah juga akan mendapat faedah dengan kewujudan persekitaran pembelajaran yang bersih dan sihat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Untuk Makluman, SMK Rancha-Rancha merupakan sekolah pertama dipilih untuk melaksanakan program yang diperkenalkan oleh Perbadanan Labuan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Perbadanan Labuan di atas usaha-

usaha merancang, memperkenalkan dan melaksanakan program ini di peringkat Wilayah Persekutuan Labuan. Begitu juga kepada semua pelajar dan guru yang terlibat dalam menjayakan program ini. Tindakan dan sumbangan anda walaupun kecil, namun ia tetap dihargai dan harus dicontohi. Teruskan usaha dan amalan murni ini, bukan sahaja di kasawan sekolah, tetapi juga di rumah dan di kawasan luar.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mencadangkan kepada pihak sekolah agar memanjangkan program kesedaran dan pemeliharaan alam sekitar yang meliputi aspek-aspek lain seperti penjimatan penggunaan tenaga dan air.

Sekolah juga boleh memulakan projek-projek berasaskan idea-idea teknologi hijau. Saya percaya program-program seumpama ini akan melahirkan generasi baru yang lebih kreatif, inovatif dan peka kepada alam sekitar dan penggunaan alam yang baik.

Akhir sekali, sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Pengetua SMK Rancha-Rancha serta semua yang hadir pada hari ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada anda semua kerana menyokong

Program Go Green. Sumbangan, komitmen, sokongan serta penglibatan anda amatlah kami hargai.

Dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim, saya dengan ini merasmikan Program Go Green Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

**Sekian, wabillahitaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**